

MADRASAH AL-ISLAMIAH KUCHING, SARAWAK: SATU KAJIAN HISTORIKAL

MADRASAH AL-ISLAMIAH KUCHING, SARAWAK: A HISTORICAL STUDY

Nurul Azhar Ahmad¹
Abdul Razak Abdul Kadir²
Siti Asmah Khalid³

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: 2021243836@student.uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: abdurak1@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: 2021246152@student.uitm.edu.my)

Article history

Received date : 17-3-2022
Revised date : 18-3-2022
Accepted date : 15-6-2022
Published date : 30-6-2022

To cite this document:

Ahmad, N. A., Abdul Kadir, A. R., & Khalid, S. A.
(2022). Madrasah Al-Islamiah Kuching, Sarawak:
Satu Kajian Historikal. *Journal of Islamic, Social,
Economics and Development (JISED)*, 7(45), 201 -
212.

Abstrak: Sejarah menunjukkan bahawa pengajian madrasah merupakan institusi pendidikan Islam terawal ditubuhkan di Malaysia. Pengkaji mengenalpasti salah sebuah madrasah yang ditubuhkan pada awal abad ke-20 dan terkenal di negeri Sarawak pada hari ini. Madrasah tersebut ialah Madrasah Al-Mursyidiyah atau lebih dikenali sebagai Madrasah Al-Islamiah Kuching yang telah diasaskan oleh Datu Hakim Imam Abang Haji Morshidi bin Abang Haji Naruddin @ Nuruddin merupakan pengasas kepada Majlis Syuyukh Islam yang kemudiannya dikenali sebagai Majlis Islam Sarawak. Justeru, madrasah tersebut penting untuk dikaji bagi mengenalpasti akan sejarah awal penubuhannya dan sistem pengajiannya. Walaupun wujud kajian lepas yang mengkaji mengenai madrasah tersebut, akan tetapi kajian tersebut tidak menyentuh mengenai aspek sejarah penubuhan dan juga sistem pengajiannya secara lebih mendalam dan perkembangan semasa. Oleh itu, objektif artikel ini menganalisa sejarah dan perkembangannya sehingga melahirkan para ulama'. Metodologi penulisan artikel ini ialah menggunakan metod kesejarahan. Menurut Kuntowijoyo (1995) metod kesejarahan ini mempunyai empat tahapan iaitu tahap pengumpulan data iaitu heuristik. Kemudian tahapan kedua ialah kritik internal (kritik isi dan fakta sejarah) dan kritik eksternal iaitu (kritik tulisan, kertas, ink dakwat dan lain-lain). Tahapan ketiga ialah intepretasi data sehingga menjadi fakta sejarah yang kukuh dan argumentasi yang kuat. Tahapan yang terkahir sekali ialah ialah histografi iaitu penulisan sejarah berdasarkan fakta-fakta yang diintepretasi secara komprehensif tanpa menimbulkan sebarang prejudis terhadap fakta sejarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa berdasarkan kelangsungan madrasah terbahagi kepada empat period masa yang berbeza iaitu tahap kemunculan, kegemilangan, kemuduran dan pemulihan. Aspek kurikulum pendidikan yang dilaksanakan oleh Madrasah Al-Islamiah Kuching pula terdapat perbezaan yang jelas dalam bentuk pendidikannya sama ada di era awal kemunculannya, pertengahan dan mutakhir ini.

Kata Kunci: *Madrasah, Al-Islamiah, Kuching, Al-Mursyidiyah, As-Syuyukh.*

Abstract: *History shows that madrasah studies are the earliest Islamic educational institution established in Malaysia. Researchers identified one of the madrasahs established in the early 20th century and famous in the state of Sarawak today. The Madrasah is Madrasah Al-Mursyidiyah or better known as Madrasah Al-Islamiah Kuching which was founded by Datu Hakim Imam Abang Haji Morshidi bin Abang Haji Naruddin @ Nuruddin was the founder of the Islamic Syuyukh Council which was later known as the Islamic Council of Sarawak. Hence, the madrasah is important to study to identify the early history of its establishment and its system of study. Although there are past studies that have examined the madrasah, the study does not touch on the historical aspects of its establishment and the system of study in more depth and current developments. Therefore, the objective of this article is to analyze the history and development of it so that it produces scholars. The methodology of writing this article is to use the method of history. According to Kuntowijoyo (1995) the method of historiography has four levels, namely the level of data collection which is heuristic. Then the second stage is internal criticism (criticism of the contents and historical facts) and external criticism i.e. (criticism of writing, paper, ink and others). The third stage is the interpretation of the data so that it becomes a solid historical fact and a strong argumentation. The last stage is historiography, which is the writing of history based on comprehensively interpreted facts without giving rise to any prejudice to historical facts. The results showed that based on the survival of the madrasah, it is divided into four different time periods, namely the degree of emergence, glory, grandeur and recovery. The aspect of the educational curriculum implemented by Madrasah al-Islamiah Kuching has a clear difference in its form of education whether in the early days of its emergence, intermediate and recent.*

Keywords: *Madrasah, Al-Islamiah, Kuching, Al-Mursyidiyah, As-Syuyukh.*

Pengenalan

Pendidikan merupakan sesuatu yang amat penting bagi sesuatu tamadun. Sejarah mencatat bahawa institusi pendidikan Islam iaitu pengajian madrasah merupakan satu legasi ataupun penerusan nenek moyang semenjak beberapa abad yang lalu. Kewujudan madrasah di negeri Sarawak boleh dikatakan bermula pada abad ke-19 lagi namun kesannya cuba dihilangkan penjajah. Di Sarawak, di antara madrasah yang terawal dan masih wujud hingga sekarang adalah Madrasah al-Islamiah Kuching.

Memasuki abad ke-21, institusi pendidikan agama seperti madrasah tetap mampu bertahan. Sistem pengajian madrasah telah terbukti berjaya melahirkan melahirkan para ulama' dan insan-insan cerdas pandai dalam pelbagai disiplin ilmu. Ini kerana, sistem madrasah adalah satu sistem yang berbeza dengan sistem sekular yang hanya mementingkan materialistik semata-mata dan memisahkan agama dengan urusan duniawi. Sistem madrasah adalah di antara sistem pengajian yang di dalamnya terkandung segala pensyariaan yang selari dengan al-Quran dan al-Sunnah yang merangkumi syariat, akhlak dan tasawwur. Di mana, sudah semestinya mementingkan pembentukan bukan hanya dari sudut jasmani sahaja, bahkan juga aspek rohani. Keseimbangan di antara aspek jasmani dan rohani tersebut dan disempunakan dengan akal yang sempurna yang dipenuhi dengan bekalan ilmu akhirnya berjaya melahirkan individu muslim yang berkeperibadian tinggi.

Sejarah juga membuktikan, wujudnya sistem madrasah pada awalnya adalah untuk memenuhi tuntutan masyarakat yang ingin memperbaiki akidah dan akhlak mereka, serta menjauhkan manusia dari kepercayaan yang bertentangan dengan syariat diamalkan oleh nenek moyang terdahulu. Jelas menunjukkan bahawa sistem pengajian madrasah ini sangat relevan dan penting agar kewujudannya dapat dirasai sehingga ke akhir zaman. Justeru, bagi mempertahankan kelangsungan sistem pengajian madrasah ini wajarlah kajian-kajian secara ilmiah dijalankan ke atas madrasah yang ada pada hari ini. Di antara aspek penting menurut pengkaji yang harus diteliti adalah mengenai sejarah penubuhan, sistem pengajian dan perkembangan semasa agar dengan itu menjadi salah satu cara untuk memastikan kelangsungan institusi pengajian madrasah ini. Oleh itu, pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian ini di salah sebuah institusi pendidikan Islam yang terawal di negeri Sarawak menjadi rintis kepada yang berlakunya perkembangan madrasah-madrasah yang pesat pada masa kini.

Kajian Literatur

Pendidikan Islam amat sinonim dengan masyarakat Sarawak dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Dengan kemasukan Islam, pusat pengajian dan budaya hidup Islam mula berkembang dan antara institusi-institusi pengajian Islam yang ada umpamanya surau, pondok dan madrasah telah memainkan peranan yang amat besar sekali dalam memperkasakan ajaran Islam di rantau ini. Oleh itu, antara madrasah yang terkenal di Sarawak dan menjadi pilihan pengkaji untuk disingkap sejarah dan tokoh-tokoh terkait dengannya ialah Madrasah Al-Islamiah Kuching, Sarawak.

Berdasarkan kajian-kajian lalu, didapati pengkajian mengenai Madrasah Al-Islamiah Kuching telahpun dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Perbincangan mereka adalah banyak menyentuh mengenai ruang lingkup sejarah, kurikulum dan tokoh terkait dengannya secara sepintas lalu sahaja. Namun begitu, tidak pernah lagi dikaji perkembangan Madrasah Al-Islamiah Kuching dari awal kemunculannya hingga mutakhir ini mengenai madrasah itu sendiri, silibus dan tokoh-tokoh terkait dengannya secara mendalam.

Terdapat beberapa kajian menjurus mengenai perbincangan terhadap sejarah awal dan faktor-faktor perkembangan Islam di Sarawak telahpun diperbincangkan oleh beberapa orang ahli akademik. Di antara mereka ialah Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Habid's Buhigiba Md Bustamam dan Muda @ Ismail Abd Rahman. Tokoh-tokoh ilmunan ini membuat kajian kebanyakannya dianggap menyeluruh tentang institusi pendidikan Islam sama ada di peringkat rendah atau menengah. Apa yang diusahakan kebanyakannya membabitkan pelbagai aspek yang agak terhad, seperti kajian lebih menumpukan kepada sejarah awal institusi tanpa banyak mengulas sistem pengajian. Walau bagaimanapun, ada di kalangan ahli akademik contohnya Wan Kamal Mujani dan Noranizah Yusuf ada menjalankan pengkajian mengenai sistem Madrasah Islamiah Kuching tetapi kajian yang dikaji oleh mereka hanya melibatkan peringkat awal madrasah dan tidak menghuraikan sistem madrasah semasa dan ini memerlukan kupasan yang lebih lanjut.

Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat penulisan lain yang terdapat dalam "Al-Qiadah 99" iaitu majalah Madrasah Al-Islamiah tahun 1999 yang menyebut Madrasah Al-Islamiah Kuching diasaskan oleh A. Mohammad Shariff pada tahun 1938 dan sebuah lagi buku khas yang dikeluarkan bersempena majlis perasmian Masjid India Bandar Kuching yang baru pada tahun 2020 menyebut Syaikh Madrasah, Allahyarham Syaikh Mohamed Kassim dan Allahyarham Kana Kannisa telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Madrasah Al-Islamiah pada 9 September 1940. Tetapi amat menyedihkan, apabila didapati kedua-dua penulisan ini tidak membincangkan Datu Hakim Imam Abang Haji Morshidi yang

menubuhkannya pada tahun 1917. Oleh sebab itu, pengkaji mengambil pendekatan bahawa beliau perlu ditonjolkan kepada masyarakat kerana sumbangannya yang besar dalam bidang pendidikan Islam tidak patut dilupakan.

Daripada tinjauan dan pembacaan yang telah dilakukan oleh pengkaji mengenai Madrasah Al-Islamiah Kuching, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa masih terdapat kekosongan kajian mengenai penstruktur semula sejarah dari awal penubuhan madrasah hingga ke masa sekarang dan tokoh yang terkait dengannya. Penerangan mengenai pedagogi dan kurikulum yang dilaksanakan di Madrasah Al-Islamiah Kuching juga tidak diulas secara terperinci selepas era awal penubuhannya hingga sekarang kerana terdapat perbezaan kurikulum yang dilaksanakan oleh madrasah. Lantaran itulah pengkaji merasakan bahawa tanggungjawab ini harus dipikul dan diberikan perhatian oleh pengkaji.

Metodologi

Penulisan artikel ini ialah menggunakan metod kesejarahan bertujuan untuk menyelidik tentang peristiwa yang berlaku pada masa lalu. Justeru, kajian sejarah ini digunakan kerana pengkaji akan membahaskan mengenai sejarah penubuhan dan sistem pengajian Madrasah Al-Islamiah Kuching.

Menurut Kuntowijoyo (1995) metod kesejarahan ini mempunyai empat tahapan iaitu tahap pengumpulan data iaitu heuristik. Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis dokumen dan temubual. Menurut Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2016), instrumen utama bagi mendapatkan maklumat adalah daripada temu bual. Namun, analisis dokumen seperti buku, majalah, data-data dari maklumat peribadi seperti minit mesyuarat, gambar dan lain-lain yang berbentuk peribadi juga boleh digunakan. Justeru, kaedah analisis dokumen digunakan bagi mengumpulkan maklumat bersumberkan artikel, prosiding, tesis, buku, dokumen Madrasah Al-Islamiah Kuching, video, berita online, laman web berautoriti dan sebagainya. Manakala menurut Chua Yan Piau (2014), temu bual boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi-struktur dan temu bual tidak berstruktur. Temu bual jenis kedua dan ketiga digunakan di dalam kajian ini. Pertamanya, temu bual tidak berstruktur digunakan untuk menemubual Dr. Shahjahan bin Hj. Syed Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Amanah Khairat Masjid Bandar Kuching yang juga Pengerusi Jawatankuasa Madrasah Al-Islamiah Kuching. Keduanya, proses temu bual semi-struktur melibatkan Cikgu Ali Umar bin Jeladin yang merupakan mudir madrasah yang mengetahui banyak maklumat mengenai sejarah dan perjalanan Madrasah Al-Islamiah Kuching. Di samping itu, pengkaji juga menemu bual seorang lagi tenaga pengajar di Madrasah al-Islamiah Kuching iaitu Ustaz Syed Musthofa bin Ali al-Haddad. Beliau juga antara individu yang berpengetahuan luas tentang sistem pengajian di sini.

Kemudian tahapan kedua ialah kritik internal (kritik isi dan fakta sejarah) dan kritik eksternal iaitu (kritik tulisan, kertas, ink dakwah dan lain-lain). Kritikan internal atau dalaman menekankan kritikan terhadap aspek kandungan sumber yang diperolehi. Selepas fakta kesaksian itu ditegakkan melalui kritikan luar, gilirannya pula menjalankan penilaian kesaksian dan memutuskan sama ada kesaksian itu boleh dipercayai atau tidak. Kritikan luaran pula ialah satu cara untuk mengesahkan atau menguji aspek luaran sumber sejarah. Sumber mesti terlebih dahulu diisytiharkan sah. Saksi mata atau penulis mestilah dikenali sebagai seorang yang boleh dipercayai. Kritikan luaran digunakan untuk meneliti keaslian sumber dalam bentuk pengujian bahan kertas atau bahan, tarikh, dan tanda yang terdapat pada teks.

Tahapan ketiga ialah interpretasi data sehingga menjadi fakta sejarah yang kukuh dan argumentasi yang kuat. Di dalam bukunya Dr. H. Sulasman yang berjudul Metodologi Penelitian Sejarah disebutkan bahawa interpretasi atau penafsiran sejarah sering disebut dengan analisis sejarah. Analisis bermaksud untuk menerangkan istilah tepat berbeza daripada sintesis yang bermaksud menyatukan. Analisis dan sintesis dilihat sebagai kaedah utama dalam tafsiran sejarah (Kuntowijoyo, 1995:100). Peringkat tafsiran atau interpretasi ini merupakan peringkat mentafsir data yang telah dicari atau ditemui dan telah dikritik (Sulasman, 2014:111)

Tahapan yang terakhir sekali ialah ialah histografi iaitu penulisan sejarah berdasarkan fakta-fakta yang diinterpretasi secara komprehensif tanpa menimbulkan sebarang prejudis terhadap fakta sejarah. Selain itu, histografi adalah proses penyusunan fakta sejarah dan berbagai sumber yang telah dipilih dalam bentuk penulisan sejarah. Pada tahap penulisan (histografi) penyelidikan melaporkan hasil pengkaji dari awal hingga akhir yang merangkumi masalah yang mesti dijawab. Pembentangan histografi merangkumi pengenalan, hasil kajian dan kesimpulan (Sugeng Priyadi, 2012:79). Pada peringkat terakhir ini, penulis cuba mengaitkan fakta, data dan hasil tafsiran yang akan disusun oleh penulis kepada menulis.

Hasil Kajian

Pengasas Madrasah

Bagi setiap institusi pendidikan pasti mempunyai pengasas yang telah merealisasikan penubuhan tersebut. Justeru, pengasas kepada Madrasah Al-Islamiah Kuching ialah Abang Haji Morshidi bin Abang Haji Narudin (Nuruddin) bin Datuk Bandar Haji Bolhasan. Nasab dari sebelah ibunya pula, bahawa ibunya bernama Dayang Aisyah binti Abang Pata bin Temenggung Marsal. Beliau dilahirkan di tengah bandar Kuching iaitu dekat Masjid India, Jalan Gambier pada tahun 1294H bersamaan 1877M. Oleh kerana beliau dilahirkan dan membesar di kawasan masjid, maka tidak diragukan bahawa sejak kecil lagi telah berjinak-jinak dan dekat dengan kehidupan beragama dan budaya ilmu yang akhirnya membentuk keperibadiannya hingga akhir hayat beliau.

Beliau melanjutkan pengajian agamanya ke Makkah al-Musyarrafah dan menjadi murid kepada ramai ulama ternama di sana seperti Syaikh Haji Uthman bin Abdul Wahhab as-Sarawaki, Syaikh Wan Ahmad al-Fathani, Syaikh Mukhtar Bogor, Syaikh Muhammad Sa'id Babshail dan Sidi Abu Bakar Syatha ad-Dimyathi. Setelah menahun di Kota Makkah selama kira-kira lapan tahun, pulanglah beliau ke Sarawak untuk menabur jasa mendidik anak bangsanya dengan menjadikan Masjid Tambi atau Masjid India atau nama rasminya sekarang Masjid Bandar Kuching sebagai pusat kegiatan dakwahnya. Di sinilah juga Datu Imam Abang Haji Morshidi membuka sebuah madrasah pada tahun 1917 yang dinamakan sebagai Madrasah al-Mursyidiyyah yang kemudian ditukar namanya kepada Madrasah al-Islamiah. Dari madrasah ini telah lahir ramai tokoh masyarakat dan agama, bahkan kebanyakan mufti-mufti negeri menerima pendidikan formal agama dan bahasa arab dari madrasah ini.

Aktiviti Abang Morshidi sebagai seorang Datu Hakim, diriwayatkan bermula pada 23 Februari 1925. Dalam masa yang sama dilantik juga sebagai Supreme Council dan Council Negeri. Kemudian diangkat pula dengan gelar Datu Imam pada 1 Julai 1932. Dilantik menjadi pengadil darjah yang keempat pada 1 Ogos 1933. Beliau menjadi ahli jawatan Lembaga Peperiksaan bagi pegawai-pegawai tinggi kerajaan pada 26 September 1936. Memperhatikan maklumat tersebut bererti Abang Morshidi adalah seorang ulama yang sangat aktif dalam seluruh sektor aktiviti kepentingan pentadbiran dan kemajuan kerajaan negeri Sarawak pada zamannya.

Selain aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas, Abang Haji Morshidi bersama beberapa orang ulama di Sarawak menubuhkan Majlis Syuyukhil Islami. Kemudian pada 1 Mei 1955 nama itu bertukar menjadi Majlis Agama Islam Sarawak. Mereka yang dianggap sebagai pengasas pertubuhan tersebut ialah Datu Hakim Imam Abang Haji Morshidi sebagai pencetus idea dan sebagai ketua pertubuhan dan anggotanya ialah Mufti Abang Haji Nawawi, Tuan Haji Burhan, Abang Haji Julaihi, dan Tuan Haji Muhammad Saleh. Langkah Abang Haji Morshidi dalam memperjuangkan pendidikan Islam dan lain-lain kepentingan Islam dan kaum Melayu di Sarawak dalam zaman penjajah Inggeris ketika itu adalah dipandang sangat bijak yang tidak akan ditemui pada peribadi yang tidak bertanggungjawab terhadap agama Islam yang dianutnya, negeri kelahiran dan bangsanya. Walaupun Abang Morshidi adalah Datu Imam dan Datu Hakim, kemungkinan kedudukan yang tertinggi untuk orang Islam dan Melayu di bumi Sarawak yang sedang dijajah oleh Inggeris ketika itu, namun beliau tidak mengabaikan dan melalaikan tanggungjawabnya sebagai ulama penyebar ilmu mengajar di masjid dan madrasah yang diasaskannya. Sebenarnya Sarawak seperti negeri-negeri lain mempunyai ramai ulama keluaran Makkah, tetapi sejarah hidup mereka dan perjuangan serta dakwah mereka tidak banyak diketahui. Pendakwah Sarawak ada yang pergi berdakwah di kawasan-kawasan negara jiran seperti Kalimantan, dan terdapat juga tradisi berfaqir dilakukan oleh ulama-ulama Sarawak.

Pada ahad, 29 Jamadil awal 1358H bersamaan 16 Julai 1939M, berpulanglah Datu Imam Haji Morshidi ke rahmatullah di Kuching dengan meninggalkan ramai anak murid yang menjadi ulama dan tokoh di Sarawak. Mereka adalah generasi penerus penyebaran Islam sama ada murid-murid Datu Hakim Imam Abang Haji Morshidi sendiri atau pun murid-murid Madrasah al-Islamiah yang beliau asaskan menurunkan murid yang ramai pula, sambung menyambung hingga ke hari ini. Bererti pahala amal jariah untuk beliau berjalan terus kerana ilmu bermanfaat yang disebarkan dan madrasah tempat belajar ilmu yang diasaskan.

Sejarah Penubuhan Madrasah

Setelah memperolehi ilmu-ilmu teras keislaman di Makkah, Abang Haji Morshidi pulang ke Kuching. Peringkat awal kepulangannya, beliau dilantik menjadi imam, khatib dan guru agama. Ketiga-tiga jawatan itu dilaksanakannya di Masjid India, iaitu masjid kawasan tempat kelahirannya. Sebagai seorang agama di masjid, di surau dan di rumah, Abang Haji Morshidi nampaknya belum begitu puas, lalu dalam tahun 1917 dilanjutkannya dengan mendirikan sebuah madrasah yang dinamakan dengan Madrasah al-Mursyidiyah. Madrasah yang diasaskan tersebut merupakan madrasah terawal di Kuching, bahkan yang terawal di negeri Sarawak. Nama Mursyidiyah diberikan bersempena nama Abang Haji Morshidi namun beliau adalah seorang warak yang tidak suka menonjolkan diri, senantiasa mengelakkan diri daripada riak, barangkali kerana itulah tindakan beliau selanjutnya menukar nama madrasah tersebut daripada Madrasah al-Mursyidiyah menjadi Madrasah al-Islamiah. Setelah lebih 20 tahun membantu mereka yang mahu mendalami ilmu-ilmu agama dan bahasa arab yang didanai usahawan India Muslim, madrasah ini kemudiannya mula dikelolai oleh Badan Amanah Masjid Bandar Kuching bermula 1937 yang dipengerusikan oleh A. Mohamed Sherif dibantu oleh Shaikh Madrasah iaitu Shaikh Mohamed Kassim dan Allahyarham Kana Kanissa setelah kematian Datu Abang Haji Morshidi. Pada 15 Oktober 1940, madrasah ini didaftarkan sebagai sekolah agama di Jabatan Pelajaran Sarawak.

Masyarakat India Muslim tidak boleh dinafikan dalam menyumbang dana dan menjadi tulang belakang untuk madrasah ini terus kekal berdiri. Antara tokoh yang terkenal di kalangan masyarakat India Muslim yang telah berjasa adalah Allahyarham Abu Bakar dan Allahyarham

Thambi Sulthan yang terlibat dalam kerja pengurusan masjid pada peringkat awal perkembangan Masjid India Kuching, Allahyarham A. Mohamed Sherif terlibat dengan pengurusan hal ehwal Masjid India sekitar tahun lewat 1930-an, Allahyarham Haji M. Sayed Ahmad, Allahyarham Haji M. Mohammed Maideen Maricar, Allahyarham Varusai Mohammed Jahan, Allahyarham K.S Abdul Majeed dan ahli-ahli lembaga amanah lain yang terlibat sewaktu itu dalam pengurusan hal ehwal Masjid India sekitar tahun 1950-an. Allahyarham Ustaz Al-Hafiz Abdul Latif dan Allahyarham Ustaz Al-Hafiz Rahamatullah Baqavi yang telah berkhidmat sebagai Imam Masjid India dan terlibat dalam aktiviti dakwah bermula tahun 1950-an. Allahyarham Yang Berbahagia Haji Daud Abdul Rahman dan Allahyarham Haji M. Sayed Ahmad yang terlibat dalam pengurusan hal ehwal masjid India serta telah mengambil langkah-langkah yang positif dalam rancangan pembinaan masjid baru, Masjid India Bandar Kuching. Tokoh-tokoh ini juga adalah merupakan Jawatankuasa Madrasah al-Islamiah Kuching. Kini, madrasah ini dibawah kelolaan Lembaga Amanah Khairat Masjid Bandar Kuching dan juga Jawatankuasa Madrasah al-Islamiah Kuching yang dipengerusikan oleh Dr. Shahjahan bin Sayed Ahmad.

Sistem Pengajian dan Mudir Madrasah

Jadual 1: Senarai Nama Mudir Madrasah Al-Islamiah Kuching, Tahun Berkhidmat dan Sistem Pengajian

Nama Mudir	Tahun Berkhidmat	Sistem Pengajian
Datu Hakim Imam Abang Haji Morshidi bin Abang Haji Narudin @ Nuruddin	1917-1937	Cara Salinan Kitab dan Sistem Pondok
Ustaz Sharkawi bin Sheikh Othman	1938-1947	Cara Salinan Kitab dan Sistem Pondok
Cikgu Jol Abdul Karim	1947-1948	Cara Salinan Kitab dan Sistem Pondok
Ustaz Nawawi bin Sheikh Othman	1949-1956	Cara Salinan Kitab dan Sistem Pondok
Ustaz Narawi Amin	1957-1970	Kurikulum Madrasah Al-Junid Singapura
Ustaz Nahrawi Abdul Rahman	1970-1973	Kurikulum Madrasah Al-Junid Singapura
Ustaz Hj. Mohammad bin Hj. Husin	1973-1975	Kelas Thanawi (Menengah) Majlis Islam Sarawak
Ustaz Sjam'un Sjahid	1978-1984	Kelas Thanawi (Menengah) Majlis Islam Sarawak
Ustaz Anuar Taha	1984-1986	Kelas Thanawi (Menengah) Majlis Islam Sarawak
Ustaz Hj. Ali Fatullah Harun	1987-1988	Kelas Thanawi (Menengah) Majlis Islam Sarawak
Ustaz Ali Hj. Mohd	1989-1993	Kelas Thanawi (Menengah) Majlis Islam Sarawak
Ustaz Ahmad Nidhom bin Farchan	1994-1996	Thanawi 2 Yayasan Islam Kelantan

Nama Mudir	Tahun Berkhidmat	Sistem Pengajian
Datin Hajah Rohani	1997-2013	Thanawi 2 Yayasan Islam Kelantan
Ustaz Sedek bin Md. Taib	2014-2016	Thanawi 2 dan Sijil Pelajaran Malaysia
Cikgu Johana bin Hj. Nai	2017-2018	Thanawi 2 dan Sijil Pelajaran Malaysia
Cikgu Ali Umar bin Jeladin	2018-sekarang	Thanawi 2 dan Sijil Pelajaran Malaysia

Sumber: Majalah Al-Qiadah 99

Madrasah Al-Islamiah Kuching adalah sebuah pusat pengajian yang bertujuan untuk memberi pendidikan ke arah melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu, berdisiplin dan bertakwa. Sebenarnya mempelajari agama di Masjid Bandar Kuching telah bermula semenjak wujudnya masjid ini. Madrasah ini juga berhadapan dengan pasar ayam serta disekelilingnya ialah kedai-kedai. Bangunan madrasah mempunyai 6 ruang besar yang mana tiga daripadanya untuk bilik darjah, sebuah untuk bilik pengetua, sebuah untuk bilik para ustaz, sebuah tandas dan sebuah bilik perpustakaan yang terletak di atas.

Penubuhan madrasah ini adalah merupakan satu usaha untuk mengembangkan Islam. Pada mulanya, madrasah ini tidak mempunyai kurikulum tertentu kerana cara guru-guru mengajar adalah dengan cara salinan. Memandangkan madrasah ini merupakan sekolah agama rakyat yang terawal ditubuhkan di Sarawak dan keadaan yang tidak menentu semasa awal penubuhannya, tuntutan untuk menyiapkan kurikulum yang tidak wujud kerana sistem pengajian agama di masa itu adalah melalui kitab-kitab atau sistem pondok. Perkara ini berterusan sehingga Ustaz Narawi Amin menjadi pengetua dan beliau menggunakan kurikulum daripada Madrasah Al-Junid Singapura. Kurikulum ini diteruskan sehinggalah berhentinya Ustaz Nahrawi Abdul Rahman menjadi pengetua dan diganti oleh Ustaz Hj. Mohamad bin Hj. Husin. Kurikulum madrasah ini kemudiannya terus diperkemas dari masa ke masa sehinggalah diperkenalkan sistem pengajian yang lebih efisien dengan penglibatan Majlis Islam yang memperkenalkan Kelas Thanawi (menengah) yang wujud hingga sekarang. Sebelum itu, Ustaz Sjam'un Sjahid pernah memperkenalkan kurikulum yang sama tetapi hanyalah peringkat rendah sahaja. Tidak hairanlah dengan memperbaiki kurikulum sekolah agama rakyat ini mampu dan berjaya melahirkan ramai pelajar yang menjejakkan kaki mereka ke institut pengajian tinggi tempatan dan luar negara.

Pengetua yang pertama selepas Datu Hakim Imam Abang Haji Morshidi bagi madrasah ini ialah Ustaz Sharkawi bin Othman juga anak ulama' kebanggaan Sarawak, Sheikh Othman Abdul Wahab. Semasa beliau menjadi pengetua, guru-guru yang membantu ialah Cikgu Jol Abdul Karim dan Ustaz Nawawi bin Othman. Murid-murid beliau seperti Ustaz Fatri bin Hj. Duet, Datu Mufti Haji Abdul Kadir Hassan dan Ustaz Mortadza Hj. Daud juga turut membantu mengajar. Ustaz Sharkawi Othman kemudiannya pergi ke Makkah kerana berkhidmat di sana pada tahun 1946 atau 1947 iaitu selepas tamatnya perang Jepun. Beliau diganti oleh Cikgu Jol Abdul Karim. Semasa Cikgu Jol Abdul Karim menjadi pengetua, beliau telah menerima pelajar-pelajar perempuan tetapi pelajar-pelajar perempuan belajar di Madrasah Tarbiah Sungai Bedil, Kuching. Pelajar-pelajar perempuan berhenti belajar di sekitar tahun 1963 atau 1964. Setelah berhentinya perkhidmatan Ustaz Nawawi Othman di madrasah ini, maka Ustaz Narawi Amin dengan rasminya mengambil alih tempat beliau. Ustaz Narawi Amin dengan rasminya

mengambil alih tempat beliau. Ustaz Narawi Amin merupakan antara pengetua yang paling lama berkhidmat di madrasah ini iaitu selama 13 tahun. Beliau berhenti pada 1 Mei 1970 kerana ditawarkan untuk berkhidmat di Majlis Islam Sarawak. Apabila Ustaz Narawi Amin berhenti, Ustaz Nahrawi Abdul Rahman telah menggantikan tempat beliau. Sebelum menjadi pengetua, Ustaz Nahrawi Abdul Rahman telah mula berkhidmat sejak awal tahun 1963 sehingga tahun 1973 sebelum bertugas sebagai penolong yang kemudiannya menjadi Imam Besar Negeri Sarawak. Ustaz Hj. Muhamad Hj. Husen pula menjadi mudir di Madrasah al-Islamiah dari tahun 1973 hingga 1975 kemudian digantikan pula oleh Ustaz Sjam'un Sjahid yang menjadi mudir pada awal tahun 1978 yang menamatkan perkhidmatannya pada tahun 1984. Ustaz Sjam'un Sjahid menyambung tugasnya sebagai Pegawai Pendidikan Bahagian Agama di Jabatan Agama Islam Sarawak. Ustaz Anuar Taha menjadi mudir menggantikan Ustaz Sjam'un Sjahid pada tahun 1984 dan berhenti mengajar pada tahun 1986 sebelum memegang jawatan pembantu Ehwat Islam di Jabatan Agama Islam Sarawak pada tahun 1987. Ustaz Hj. Ali Fatullah Harun menjadi mudir di Madrasah Al-Islamiah pada tahun 1987 hingga 1988 sebelum mengambil alih sebagai mudir Madrasah Al-Falah di bangunan Harakah Islamiah (HIKMAH). Pada tahun 1989, Ustaz Ali Hj. Mohd telah menjadi mudir di madrasah ini dari sehingga tahun 1993 yang kemudiannya menjadi pembantu Ehwat Islam. Ustaz Ahmad Nidhom bin Farchan berasal dari Indonesia dan beliau datang ke Sarawak sejak tahun 1975. Beliau bertugas di bawah Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu (BINA) dan Majlis Islam hingga tahun 1988 dan kemudian menjadi Imam Masjid An-Naim, Tupong sehingga tahun 1994. Selepas itu, beliau menjawat jawatan mudir Madrasah al-Islamiah dari tahun 1994 hingga 1996 sebelum menjadi Imam Masjid Darul Hidayah, perumahan LNG Tanjung Kidurong, Bintulu. Setelah tamat perkhidmatan Ustaz Ahmad Nidhom Farchan, beliau digantikan pula oleh Ustaz Haidar Wasli yang menjadi guru pembantu pada tahun 1996 pada waktu itu dan menamatkan khidmatnya pada tahun 1997. Pada tahun 1979 sehingga 1996, Ustazah Hajah Rohani bt. Hj. Awi telah menjawat jawatan sebagai guru agama Rabitah Alam Islami Makkah yang membantu BINA yang ada sekarang ini dikenali sebagai Harakah Islamiah HIKMAH yang kemudiannya bertugas sebagai guru agama dan juga menjawat jawatan pengetua di madrasah ini bermula 1997 hingga 2013. Datin Hajah Rohani adalah pengetua yang paling lama berkhidmat di madrasah ini iaitu selama 16 tahun. Pada tahun 2014, Ustaz Sedek bin Md. Taib mengambil alih sebagai mudir hingga 2016. Cikgu Johana bin Hj. Nai pula menggantikan Ustaz Sedek dari tahun 2017 hingga 30 Oktober 2018. Kini, Madrasah al-Islamiah diterajui oleh Cikgu Ali Umar bin Jeladin sebagai mudir yang memulakan perkhidmatan bermula 1 November 2018 hingga sekarang.

Sukatan Pelajaran

Madrasah Al-Islamiah mempunyai tiga tahap pengajian iaitu Peralihan, Thanawi 1 dan Thanawi 2. Sukatan pelajaran yang digunakan ialah sukatan pelajaran Al-Azhar di peringkat menengah. Sebelum ini, sukatan pelajaran dan buku-buku teks yang digunakan ialah sukatan yang digunakan oleh Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Disebabkan semua sekolah menengah di Semenanjung Malaysia khususnya, telah menukar sukatan pelajaran mereka dengan sukatan Al-Azhar, maka Madrasah al-Islamiah juga turut menyelaraskan sukatan pelajaran tersebut agar ia selaras dengan yang ada di Semenanjung Malaysia. Penyelarasan semua sukatan pelajaran ini bermula pada tahun 1994 dan kini telah diktiraf oleh Universiti Al-Azhar, Mesir dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Bidang pengajaran yang disediakan di Madrasah al-Islamiah ini ialah pengetahuan ilmu Islam dan bahasa arab. Kini, Madrasah al-Islamiah mengekalkan tiga tahap pengajian iaitu Peralihan,

Thanawi 1 dan Thanawi 2 ditambah dengan subjek-subjek Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang penting.

Pakaian Seragam Sekolah

Pakaian seragam bagi Madrasah al-Islamiah adalah bagi pelajar lelaki bersongkok hitam, kemeja putih dan seluar panjang hijau, berstoking dan berkasut putih atau hitam seperti seragam sekolah yang diketahui umum. Bagi pelajar perempuan bertudung labuh dan berbaju kurung seperti seragam sekolah yang diketahui umum, berstoking dan berkasut putih atau hitam. Adalah di larang sama sekali memakai tudung singkat serta menggunakan pakaian daripada kain terlalu nipis.

Persatuan dan Aktiviti Ko-Kurikulum

Badan Kebajikan Pelajar Madrasah al-Islamiah Kuching ialah badan induk yang berperanan menjaga dan mengambil berat hal ehwal yang menuntut di madrasah tersebut. Di samping itu, terdapat beberapa badan lain yang bertindak bagi melancarkan kegiatan ilmiah di kalangan pelajar seperti Biro Dakwah, Kelab Bahasa Arab, Biro Penerangan, Biro Khutub Khanah (Perpustakaan) dan Biro Sukan.

Di antara aktiviti yang dijalankan oleh badan tersebut ialah Majlis Khitabah (Penyampaian Khutbah), Majlis Fardhu Ain, Majlis Tazkirah, Sambutan Kebesaran Islam seperti Nuzul al-Quran, Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul dan lain-lain lagi. Bagi aktiviti padang, pihak madrasah tidak mempunyai kemudahan prasarana untuk aktiviti sukan. Jika pelajar ingin menjalankan aktiviti sukan, pihak madrasah akan menyewa atau menggunakan kemudahan pihak luar.

Tokoh dari Madrasah Al-Islamiah

Melalui empat objektif utama Madrasah al-Islamiah Kuching iaitu supaya dapat melahirkan generasi yang berilmu dan bertaqwa, melahirkan generasi yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang agama dan bahasa arab, melahirkan generasi yang mempunyai daya kepimpinan dan melahirkan generasi yang mempunyai daya juang yang kuat untuk agama dan negara, ramai tokoh-tokoh termasyhur yang mendapatkan pendidikan awal agama di Madrasah al-Islamiah ini telah dilahirkan di antaranya adalah empat bekas Mufti Sarawak iaitu Allahyarham Datuk Abdul Kadir Hassan, Allahyarham Datuk Ustaz Mortadza Haji Daud, Dato' Sri Anis Abot dan Datu Loling Othman bin Haji Alwi. Begitu juga dengan tiga bekas Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak iaitu Ustaz Awang Pon bin Awang Sebon, Ustaz Sham bin Ojek dan Ustaz Datu Mohamed Ali bin Haji Mohamed Sheriff. Selain itu, bekas Menteri Pelajaran, Tan Sri Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman Haji Daud juga pernah mendapat pendidikan madrasah ini. Begitu juga dengan mantan Imam Besar Negeri Sarawak, Datuk Nahrawi Abdul Rahman yang merupakan bekas pelajar, guru dan mudir di institusi agama antara yang tertua di Sarawak ini.

Kesimpulan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kelestarian pengajian madrasah haruslah dipelihara sepanjang zaman agar institusi ini terus berdiri teguh di tengah-tengah masyarakat bagi menyebarkan ilmu-ilmu Islam dan juga lambang kepada syiar Islam yang ada di negeri Sarawak. Kajian mengenai sejarah pendidikan dan sistem pendidikan institusi pengajian madrasah sebenarnya penting untuk dilakukan. Ini bertujuan bagi mengetahui akan keistimewaan serta kelebihan ada pada setiap daripada institusi tersebut, serta mewujudkan legasi sistem pendidikan Islam tertua yang tidak akan pupus ditelan zaman. Dengan wujudnya kajian-kajian seperti ini, ianya akan dapat dapat membantu institusi pengajian madrasah agar saling melengkapi dan menguatkan antara

satu sama lain, di samping melakukan penambahbaikan dalam aspek-aspek tertentu. Kajian terhadap Madrasah Al-Islamiah Kuching adalah salah satu daripada institusi pengajian madrasah yang terdapat di negeri Sarawak. Justeru, kajian-kajian lain perlu dijalankan ke atas Madrasah Al-Islamiah Kuching dari aspek lain, serta kajian juga perlu dijalankan di setiap institusi pengajian di Sarawak dengan tidak memfokuskan kajian terhadap institusi-institusi pendidikan Islam tertentu sahaja.

Rujukan

- Abang Haji Atei, "Matlamat dan Masa Depan Sekolah-sekolah Agama Islam di Sarawak," dlm. Ismail Ab. Rahman (peny.), Pendidikan Islam Malaysia, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1993).
- Abdul Razak Abdul Kadir, Mohd Zaid Mohd Zin, Mohd Syahiran Abdul Latif & Mohd Roslan Mohd Noor (2011). "Cabaran Pendidikan Islam di Sarawak di Era Pembentukan Malaysia 1963-1985. Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo IV. Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Islam Borneo, UiTM Sarawak & Universitas Mulawarman.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2016). Mengenali Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bolhassan Mohammed Mahruf, (2020), Madrasah Al-Islamiah Kuching, Temubual, 26 Disember, Sabtu, Surau Al-Mahmudi, Kuching, Sarawak.
- Buku Khas Majlis Perasmian Masjid India Bandar Kuching (2020)
- Chua Yan Piaw. (2014). Kaedah Penyelidikan (3rd ed.). Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd. hlm.,139-140.
- Deen, Abdul Rahman. (1988). "The Coming of Indian Muslim Merchants to Sarawak". Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Warisan Kebudayaan India Sarawak, di Kuching. Disember, Jumaat, Madrasah Al-Islamiah, Kuching, Sarawak.
- Dr. H. Sulasman. (2014). Metodologi Penelitian Sejarah. Bandung: Pustaka Setia, hlm. 111
- Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal & Jaffary Awang. (2003). "Peranan Pendidikan Islam dalam Pembentukan Budaya Masyarakat Islam di Kuching" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.123-135.
- Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.720-733.
- Habid's Buhigiba Md Bustamam. (1995). "Perkembangan Islam di Sarawak, 1941-1991". Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan. Bangi: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia]
- Hatta Ali, (2020), Madrasah Al-Islamiah Kuching, Temubual, 28 Disember, Isnin, Taman Merdang Gayam, Samarahan, Sarawak.
- Ismail Ab. Rahman, "Masalah Pengajaran, Pembelajaran dan Masa Depan Pengajian Usuluddin Dalam Konteks Perkembangan Islam di Sabah dan Sarawak," dlm. Ismail Ab. Rahman (peny.), Pendidikan Islam Malaysia
- Keluarga Brooke: Satu Kajian Umum" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.556-564.
- Kuntowijoyo (1995). Pengantar Ilmu Sejarah. Yogyakarta, PT Benteng Pustaka.

- Majalah Al-Qiadah 99 (Majalah Madrasah Al-Islamiah 1999).
- Md Amin Abdul Rahman. (2003). "Sejarah dan Perkembangan Islam di Sarawak Sebelum Merdeka" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.434-447.
- Muda @ Ismail Abd Rahman & Farah Salwani Ismail. (2003). "Peranan Ulama Sarawak dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Sarawak" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.523-533
- Panel Penyelidik Fakulti Pengajian Islam. (1988). Islam dan Peranan Ulama-ulama Sarawak. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Priyadi, Sugeng. (2012). Metodologi Penelitian Pendidikan Sejarah. Yogyakarta: Ombak, hlm. 79
- Putit Matzen. (2003). "Perkembangan Islam di Sarawak dan Majlis Islam Sarawak" dalam Raslie Saharan. (1988). "Peranan Ulama dalam Sejarah dan Kehidupan Masyarakat Sarawak" dalam Islam dan Peranan Ulama-ulama Sarawak. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Saimi Bujang, Mohd Syahiran Abdul Latif, Abdul Razak Abdul Kadir, Mohamad Zaid Mohd Zin, Mohd Muzani Musa, Sharifah Anom Omar & Mursyidah Zainal Abidin. (2012). Membongkar Rahsia Pendidikan Islam. UiTM Sarawak.
- Sanib Said. (t.th.). Islam di Sarawak: Sejarah Ringkas, 1476-1941. Kuala Lumpur: Persatuan Sarawak Gazette, 2 Disember 1935.
- Sejarah Malaysia.
- Shajahan Sayed Ahmad, (2020), Madrasah Al-Islamiah Kuching, Temubual, 27 Disember, Ahad, Lebu India, Kuching, Sarawak.
- Suffian Mansor. (2003). "Cabaran Perkembangan Islam di Sarawak Zaman Pemerintahan Syed Musthofa Ali Al-Haddad, (2020), Madrasah Al-Islamiah Kuching, Temubual, 25
- Umar Ali Jeladin, (2020), Madrasah Al-Islamiah Kuching, Temubual, 25 Disember, Jumaat, Madrasah Al-Islamiah, Kuching, Sarawak.